

>>Oleh Sarah Zulkifli

sarah@hmetro.com.my

M15 23

Pukau sentuh tangan

KUALA LUMPUR: Bermodalkan sentuhan tangan, dua wanita berketurunan Arab dikesan menipu seorang jurujual sebuah kedai emas menggunakan taktik sebagai pelanggan yang kononnya mahu melihat barang kemas sebelum memukau mangsa dan melarikan barangan berkenaan.

Difahamkan, kedua-dua suspek menggunakan taktik menghampiri mangsa, menyentuh tangan dan menyebabkan mangsa seolah-olah khayal dan kelu serta tak dapat berbuat apa-apa kerana seperti dipukau.

Dalam kejadian kira-kira jam 1.30 tengah hari Isnin lalu di kedai emas di kompleks beli-belah di sini, dua wanita asing itu berpura-pura mahu membeli barang

2 wanita Arab berlagak pelanggan

kemas dipamerkan.

“Seorang daripada mereka meminta jurujual mengeluarkan seutas rantai untuk dilihat,” katanya.

Sumber berkenaan berkata, ketika dia mengeluarkan rantai emas ketiga daripada

dulang pameran seperti diminta wanita terbabit, tiba-tiba tangannya disentuh suspek.

“Sebaik tangannya disentuh, jurujual terbabit mendakwa dirinya seperti dipukau,” katanya.